



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

6 SEPTEMBER 2019

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

6 September 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 10.00 pagi menunjukkan tiada stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 59 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Sembilan stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu tujuh stesen di Sarawak dan 2 stesen di Semenanjung Malaysia. Bacaan IPU yang direkodkan di stesen-stesen terlibat adalah seperti berikut:**

Stesen	IPU
Batu Muda, Kuala Lumpur	102
Nilai, Negeri Sembilan	105
Miri, Sarawak	139
Sibu, Sarawak	124
Sarikei, Sarawak	110
Sri Aman, Sarawak	168
Samarahan, Sarawak	122
Kuching, Sarawak	128
Mukah, Sarawak	101

Stesen di Kuching, Sri Aman dan Samarahan, Sarawak mula menunjukkan bacaan IPU yang tidak sihat bermula semalam dan pada hari ini bilangan stesen menunjukkan bacaan IPU kepada aras yang tidak sihat merebak ke stesen Sibul, Sarikei, Miri dan Mukah. Stesen-stesen di Pantai Barat Semenanjung Malaysia menunjukkan peningkatan bacaan IPU dengan 2 stesen telah menunjukkan bacaan yang tidak sihat iaitu di Batu Muda, Kuala Lumpur dan Nilai, Negeri Sembilan.

Asap jerebu dari kelompok titik panas di bahagian Riau, Jambi dan Kepulauan Bangka yang dipengaruhi oleh angin lazim dari arah tenggara mengarah ke arah barat daya telah memberi kesan jerebu rentas sempadan ke arah Semenanjung Malaysia. Asap jerebu dari bahagian Barat, Tengah, dan Selatan Kalimantan juga telah memberi kesan jerebu sederhana sehingga tidak sihat ke kawasan sekitar bahagian Barat Sarawak sebelum bergerak masuk ke Laut China Selatan .

Tiupan angin barat ke barat daya dominan pada masa ini dijangka boleh menyebabkan kejadian hujan di bahagian utara perairan Selat Melaka pada sebelah awal pagi. Oleh itu, secara amnya ini dapat mengurangkan kesan jerebu di bahagian utara pantai Barat Semenanjung Malaysia namun keadaan ini masih boleh menyebabkan keadaan cuaca berjerebu sederhana di lain-lain kawasan di Semenanjung. Manakala, pergerakan asap jerebu sederhana sehingga tebal di Kalimantan berkemungkinan menyebabkan keadaan cuaca berjerebu sederhana sehingga tidak sihat dan mempengaruhi jarak ketampakan pada 05 – 07 September 2019 di kawasan-kawasan Bahagian Barat Sarawak terutamanya di Sri Aman, Samarahan, dan Kuching, Sarawak.

Terdapat kejadian kebakaran tapak pelupusan sampah haram di Selangor yang dilaporkan manakala kebakaran belukar tanah gambut di Kuala Baram, Miri Sarawak dan di Kuala Manis, Pekan, Pahang kembali berasap dan boleh menyebabkan keadaan sekitar berjerebu. Tindakan pencegahan dan pemadaman telah dilakukan oleh pihak BOMBA dan pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang

berpusat di Singapura pada **5 September 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 19*, 203 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 811 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan 8 panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara iaitu di Johor (1), dan Sarawak (7). Bilangan titik panas di Kalimantan, Indonesia meningkat dengan mendadak berbanding dengan semalam manakala titik-titik panas di kawasan lain juga turut menunjukkan peningkatan pada hari ini. Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **5 September 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Riau, Jambi, selatan Sumatera dan Lampung dan lingkaran asap bergerak ke arah Selat Melaka dan memasuki ke arah Semenanjung Malaysia. Manakala di kawasan barat, tengah dan selatan Kalimantan Indonesia telah dilitupi dengan lingkaran asap jerebu yang tebal dan pergerakan asap adalah menuju ke arah kawasan Barat Sarawak. Arah pergerakan angin dari arah tenggara ke Barat Daya telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut,

ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Dikeluarkan pada: 10.00 pagi, 6 September 2019


Maklumat lanjut. sila hubungi:

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara
--	---

Tel: 019-2983395	Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
------------------	--

PETA JEREBU SERANTAU 5 SEPTEMBER 2019

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation



Over the northern ASEAN region, cloudy conditions with scattered showers prevailed. In the southern ASEAN region, dry weather persisted over most parts of the region, except for isolated showers in central Sumatra, North Kalimantan, Peninsular Malaysia and Sabah. Moderate to dense smoke plumes were observed from hotspots in Riau and Jambi. Isolated hotspots with smoke plumes were also detected in South Sumatra and Lampung. In Kalimantan, persistent hotspots in the Central, West and South Kalimantan provinces have contributed to a significant build-up of smoke haze. Widespread moderate to dense smoke haze was observed over these areas. The smoke haze from scattered hotspots in West Kalimantan was observed to have been blown to western Sarawak. In East Kalimantan, smoke haze from persistent hotspots continued to be observed.

Updated 7:38 PM 05 Sep

Weather and Haze Outlook

For the next few days, wet weather is expected in the northern ASEAN region, and winds are forecast to blow from the southwest or west. In the southern ASEAN region, showers are forecast in parts of Malaysia and northern Sumatra, while dry weather is expected to persist over central and southern Sumatra and Kalimantan. Winds are forecast to blow from the southeast or southwest. The hotspots and smoke haze activities in Sumatra and Kalimantan are expected to persist.

Updated 7:38 PM 05 Sep



BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 5 SEPTEMBER 2019

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2019
HARI : KHAMIS
SATELIT : NOAA19

NEGARA : MALAYSIA		
BIL.	NEGERI	HOTSPOT
1.	JOHOR	1
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	0
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	0
11.	SARAWAK	7
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
JUMLAH HOTSPOT		8

NEGARA SERANTAU		
BIL.	NEGARA	HOTSPOT
1.	SUMATERA	203
2.	KALIMANTAN	811
3.	BRUNEI	0

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 10.00 PAGI, 6 SEPTEMBER 2019

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 06/09/2019 10:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	64**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	58**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	66**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	71**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	61**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	68**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	66**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	64**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	66**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	66**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	67**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	64**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	68**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	69**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	102**	Unhealthy
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	91**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	94**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	96**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	91**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	93**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	86**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	89**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	104**	Unhealthy
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	81**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	74**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	72**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	68**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	66**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	77**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	76**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	73**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	71**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	65**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	60**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	57**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	80**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	87**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	63**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	64**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	61**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	61**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	64**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	62**	Moderate
CA44T	TERENGGANU	59**	Moderate

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 06/09/2019 10:00	
		API	CLASS
CA44T	TERENGGANU	59**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	66**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	63**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	68**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	55**	Moderate
CA49S	Sandakan, SABAH	56**	Moderate
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	58**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	57**	Moderate
CA52S	Keningau, SABAH	65**	Moderate
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	61**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	62**	Moderate
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	81**	Moderate
CA56Q	Miri, SARAWAK	140**	Unhealthy
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	72**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	81**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	101**	Unhealthy
CA60Q	Kapit, SARAWAK	65**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	125**	Unhealthy
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	111**	Unhealthy
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	169**	Unhealthy
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	124**	Unhealthy
CA65Q	Kuching, SARAWAK	131**	Unhealthy

Summary CAQM KU (Current API Value & Class)

API Class	Number of Areas
Good	0
Moderate	56
Unhealthy	9
Very Unhealthy	0
Hazardous	0
NA	0

MCAQM KU (Current API Value & Class)

STATION ID	LOCATION	Date/Time:06/09/2019 10:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	98**	Moderate
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	70**	Moderate
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	61**	Moderate

